

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 30.11.2017

Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

- (a) kedudukan terkini nilai hutang negara yang meliputi dalam bajet dan off bajet ; dan
- (b) saiz hutang tersebut berbanding GDP dan nilai serta nisbah bayaran khidmat hutang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kedudukan jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Jun 2017 adalah sebanyak RM685.1 bilion atau 50.9% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.7% atau

RM662.4 bilion adalah hutang domestik (49.2% daripada KDNK), sementara 3.3% lagi atau RM22.7 bilion (1.7% daripada KDNK) merupakan pinjaman luar pesisir. Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah jaminan yang telah diberikan oleh Kerajaan sehingga Jun 2017 adalah sebanyak RM219.4 bilion atau 16.3% daripada KDNK. Jaminan tersebut diberikan terutamanya kepada entiti awam yang melaksanakan projek infrastruktur dan sosial seperti DanaInfra, Prasarana dan PTPTN yang terlibat dalam pembinaan infrastruktur seperti MRT, LRT dan penyediaan pinjaman pelajaran untuk pendidikan di peringkat tinggi. Jaminan ini diberikan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.

3. Selain itu, bayaran khidmat hutang bagi tahun 2017 diunjurkan berjumlah RM28.8 bilion atau 13.1% daripada perbelanjaan mengurus (OE). Komitmen pembayaran khidmat hutang iaitu bayaran faedah ke atas hutang Kerajaan Persekutuan merupakan komitmen yang diberikan keutamaan sebelum mana-mana pembayaran lain dibuat, iaitu dibawah perbelanjaan tanggungan.